



**CUKAI JUALAN 2018**

**PANDUAN:  
PERALIHAN PERUBAHAN KADAR  
CUKAI JUALAN  
YANG BERKUAT KUASA  
PADA 1 JULAI 2025**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Putrajaya**

**9 Jun 2025**

## **Penerbitan**

Tarikh: 9 Jun 2025

## **Notis Hakcipta**

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

1.	PENGENALAN.....	4
2.	PERUBAHAN KADAR CUKAI JUALAN .....	4
3.	KECUALIAN KE ATAS PERUBAHAN KADAR CUKAI JUALAN .....	5
4.	PENDAFTARAN SEBAGAI PENGILANG BERDAFTAR .....	9
5.	PENGIMPORTAN/PEMBELIAN MENGGUNAKAN PENGEKUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH SEKSYEN 35 ATAU MELALUI SKIM KHAS DI BAWAH SEKSYEN 61A(1)(b) ACJ 2018.....	14
	SOALAN – SOALAN LAZIM.....	22

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Seksyen 8 Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ 2018) memperuntukkan bahawa cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai:
  - (i) yang dikilangkan di Malaysia oleh pengilang berdaftar dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya; atau
  - (ii) yang diimport ke Malaysia oleh mana-mana orang.
- 1.2. Cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan selaras dengan seksyen 10 ACJ 2018.
- 1.3. Kadar cukai jualan barang bercukai yang dikenakan dan dilevikan hendaklah ditetapkan pada kadar sepuluh peratus (10%) ke atas semua barang kecuali yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025 yang dikenakan pada kadar 5% atau pada kadar spesifik.
- 1.4. Di bawah subseksyen 35(1)(a) ACJ 2018, Menteri boleh mengecualikan apa-apa barang daripada pengenaan cukai jualan seperti yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2025.
- 1.5. Dalam pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, Menteri Kewangan telah mencadangkan semakan semula kadar cukai jualan bagi barangan bukan keperluan asas.
- 1.6. Sehubungan itu, panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai jualan dalam tempoh peralihan perubahan kadar cukai jualan baharu.

## 2. PERUBAHAN KADAR CUKAI JUALAN

- 2.1. Selaras dengan semakan semula kadar cukai jualan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, terdapat barang yang dikecualikan cukai menjadi barang bercukai sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025.


- 2.2. Selain daripada itu, terdapat pindaan ke atas kadar barang bercukai sedia ada kepada kadar cukai baharu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025.

### 3. KECUALIAN KE ATAS PERUBAHAN KADAR CUKAI JUALAN

- 3.1. Cukai jualan hendaklah dikenakan pada kadar cukai baharu pada atau selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai ke atas barang siap bercukai yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar pada masa invois jualan dikeluarkan atau pada masa barang tersebut digunakan atau dilupuskan selain dengan cara jualan.
- 3.2. Dalam hal pengimportan barang, kadar cukai jualan baharu akan dikenakan semasa barang tersebut dilepaskan daripada kawalan Kastam oleh pegawai Kastam yang hak pada atau selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai baharu atau mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967.
- 3.3. Penerangan pengenaan cukai jualan adalah seperti berikut:

#### Situasi 1:

Pengilang berdaftar ABC mengilang barang bercukai pada kadar 5% dan mengeluarkan invois jualan pada 1 Jun 2025. Pada 1 Julai 2025 barang tersebut berubah kadar kepada 10%. Kadar cukai jualan kekal pada kadar 5% kerana **invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan baharu.**




#### Situasi 2:


Pengilang berdaftar DEF mengilang barang bercukai pada kadar 5% dan pada 1 Julai 2025 kadar cukai barang tersebut berubah kepada 10%. Pengilang berdaftar DEF mengeluarkan invois jualan pada 1 Ogos 2025 ke atas jualan barang tersebut. Oleh itu, kadar cukai jualan 10% hendaklah dikenakan ke atas jualan barang tersebut kerana **invois dikeluarkan selepas tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan baharu.**

**Situasi 3:**


Pengilang berdaftar GIH mengilang barang bercukai pada kadar 5% dan mengeluarkan invois jualan pada 1 Julai 2025 ke atas jualan barang tersebut. Pada 1 Julai 2025 kadar cukai barang tersebut berubah kepada 10%. Oleh itu, kadar cukai jualan 10% hendaklah dikenakan ke atas jualan barang tersebut kerana **invois dikeluarkan pada tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan baharu.**

**Situasi 4:**

Syarikat JKL mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan mengeluarkan invois ke atas jualan barang pada 30 Jun 2025. Pada 1 Julai 2025 barang tersebut tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu 5%. Oleh itu, jualan barang tersebut tidak tertakluk pada kadar cukai jualan baharu kerana **invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan baharu. Syarikat JKL hanya boleh mengenakan kadar cukai jualan baharu sekiranya berdaftar sebagai pengilang berdaftar pada atau selepas tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan baharu.**

**Situasi 5:**


Syarikat SYH mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan mengeluarkan invois ke atas jualan barang pada 5 Julai 2025. Pada 1 Julai 2025 barang tersebut tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu 5%. Walau pun barang tersebut tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu pada 1 Julai 2025, syarikat tidak boleh mengenakan kadar cukai jualan baharu ke atas barang yang dijual kerana syarikat bukan pengilang berdaftar selaras dengan seksyen 8, ACJ 2018.



**Situasi 6:**

Syarikat KLM merupakan pengilang berdaftar. Syarikat mengilang dua (2) jenis barang siap iaitu barang siap bercukai A berkadar 10% dan barang siap B yang dikecualikan cukai.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap B yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Invois jualan yang dikeluarkan pada atau selepas 1 Julai 2025 bagi barang siap B perlu dikenakan cukai jualan pada kadar baharu kerana syarikat merupakan pengilang berdaftar sedia ada.



3.4. Pelupusan atau guna sendiri barang yang dikilangkan


3.4.1. Cukai jualan hendaklah dikenakan ke atas semua barang bercukai yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar termasuk barang yang hendak dilupuskan atau digunakan sendiri.

3.4.2. Pelupusan atau guna sendiri barang yang dikilangkan oleh pengilang berdaftar adalah tertakluk kepada pengenaan cukai jualan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025 mulai tarikh kuat kuasa perintah ini sekiranya pelupusan atau guna sendiri barang tersebut dibuat pada atau selepas permulaan kuat kuasa perintah walaupun pelupusan atau guna sendiri tersebut telah direkodkan dalam akaun syarikat sebelum tarikh kuat kuasa perintah.

3.4.3. Penerangan layanan cukai jualan untuk pelupusan atau guna sendiri adalah seperti berikut:


**Situasi 7:**

Pengilang berdaftar LPV mengilang barang bercukai pada kadar 5% dan telah merekodkan pelupusan atau guna sendiri barang bercukai pada 25 Mei 2025. Pada 1 Julai 2025 barang tersebut berubah kadar kepada 10% dan pelupusan atau guna sendiri barang tersebut dibuat pada 15 Julai 2025. Oleh itu, pelupusan atau guna sendiri barang tersebut adalah tertakluk kepada **kadar cukai 10% kerana pelupusan atau guna sendiri dilakukan selepas tarikh kuat kuasa perintah.**



**Situasi 8:**


Pengilang GBR mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan pada 1 Julai 2025 barang tersebut berubah kadar kepada 5%. Pengilang GBR memohon untuk berdaftar dan pendaftaran sebagai pengilang berdaftar berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Rekod pelupusan atau guna sendiri barang yang dikilangkan telah dibuat pada 28 Mei 2025 namun barang tersebut dilupuskan pada 7 Ogos 2025. Pelupusan atau guna sendiri barang tersebut adalah tertakluk kepada **kadar cukai 5% kerana pelupusan atau guna sendiri dilakukan selepas tarikh kuat kuasa perintah.**



**Situasi 9:**


Pengilang LHG mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan pada 1 Julai 2025 barang tersebut berubah kadar kepada 5%. Rekod pelupusan atau guna sendiri barang yang dikilangkan telah dibuat pada 20 Julai 2025. Pengilang LHG memohon untuk berdaftar dan berkuat kuasa sebagai pengilang berdaftar pada 1 Ogos 2025. Pelupusan atau guna

sendiri barang tersebut telah dibuat pada 10 Ogos 2025 dan tertakluk kepada kadar cukai 5%.



**Situasi 10:**

Pengilang SJF mengilang barang yang dikecualikan daripada cukai jualan dan pada 1 Julai 2025 barang tersebut berubah kadar kepada 5%. Rekod pelupusan atau guna sendiri barang yang dikilangkan telah dibuat pada 20 Julai 2025 dan pelupusan atau guna sendiri barang telah dibuat pada 28 Julai 2025. Pendaftaran SJF sebagai pengilang berdaftar telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Pelupusan atau guna sendiri barang tersebut pada 28 Julai 2025 adalah tidak tertakluk kepada kadar cukai 5% kerana SJF belum berdaftar sebagai pengilang berdaftar.



**4. PENDAFTARAN SEBAGAI PENGILANG BERDAFTAR**

- 4.1. Definisi mengilang di bawah seksyen 3, Akta Cukai Jualan 2018 adalah penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan- bahan itu dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan.
- 4.2. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pengilangan barang bercukai dan jumlah nilai jualan barang bercukai tersebut melebihi RM500,000.00 dalam tempoh 12 bulan adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACJ 2018.


- 4.3. Pengiraan nilai ambang hanya mengambil kira jumlah nilai jualan barang bercukai.
- 4.4. Walau bagaimanapun, pengilang yang mengilang barang bercukai dan jumlah nilai jualan barang bercukai tidak mencapai RM500,000.00 dalam masa 12 bulan boleh memohon pendaftaran secara sukarela di bawah seksyen 14, ACJ 2018.
- 4.5. Pengilang yang mengilang barang bercukai dan telah mencapai nilai ambang hendaklah memohon untuk menjadi pengilang berdaftar tidak lewat dari hari terakhir bulan yang berikut selepas bulan yang dia bertanggungjawab untuk berdaftar.



#### Situasi 11:

Syarikat mengilang barang yang dikecualikan cukai sebelum 1 Julai 2025. Selepas tarikh kuat kuasa, barang yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu pada kadar 5%. Pada 20 Julai 2025, jualan barang bercukai pengilang telah mencapai nilai ambang RM500,000.00.

Syarikat memohon untuk didaftarkan sebagai pengilang berdaftar pada 25 Julai 2025 dan pendaftaran berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025. Syarikat hendaklah mengenakan cukai jualan ke atas semua jualan barang bercukai yang dikilangkan mulai 1 Ogos 2025.



- 4.6. Permohonan pendaftaran boleh dibuat mulai 1 Julai 2025 melalui portal MySST. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran boleh dirujuk dalam Panduan Umum di pautan <https://mysst.customs.gov.my/>.

- 4.7. Pengilang yang telah diluluskan pendaftaran sebagai pengilang berdaftar hendaklah mengenakan cukai jualan ke atas semua jualan barang bercukainya mulai tarikh kuat kuasa pendaftaran sebagaimana dinyatakan dalam surat kelulusan pendaftaran yang dikeluarkan oleh JKDM.
- 4.8. Pengilang berdaftar hendaklah mengemukakan penyata SST-02 untuk setiap tempoh bercukai bermula dari tempoh bercukai pertama yang dinyatakan dalam surat kelulusan pendaftaran tersebut.
- 4.9. Walau bagaimanapun, mana-mana pengilang yang menjalankan salah satu operasi pengilangan yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 adalah dikecualikan daripada pendaftaran tanpa mengambil kira jumlah nilai jualan barang bercukai.
- 4.10. Senarai operasi pengilangan yang dikecualikan daripada pendaftaran dalam Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 adalah seperti berikut:
- (i) Mencuci, mencetak gambar, mengeluarkan slaid filem atau apa-apa bentuk format atau kombinasi mana-mana aktiviti tersebut.
  - (ii) Mengukir, mencetak, melukis, menulis, mengukir timbul atau apa-apa aktiviti lain seumpamanya pada barang bercukai dengan perihalan yang berhubungan dengan rekod sukan atau hal keadaan lain barang bercukai itu didermakan atau dianugerahkan.
  - (iii) Pengilangan konkrit siap campur.
  - (iv) Penyediaan makanan atau minuman oleh—
    - a. mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U.(A) 214/2018]; atau
    - b. dapur berpusat untuk pengedaran ke premisnya yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U.(A) 214/2018].
  - (v) Penyediaan logam tar, penapisan tar, dan penyediaan campuran bitumen dan logam panas untuk pembinaan jalan.
  - (vi) Pengeluaran salinan dokumen dengan mesin penyalin atau operasi penyalinan yang seumpamanya.

- (vii) Pembungkusan semula barang pukal yang sama ke dalam bungkusan yang lebih kecil.
- (viii) Pembaikan barang terpakai atau barang yang telah digunakan.
- (ix) Ujian penglihatan, preskripsi kanta yang sesuai dan pemasangan kanta tersebut ke dalam bingkai.
- (x) Operasi yang berikut apabila dilakukan oleh seseorang selain daripada pengilang berdaftar:
  - a. memvarnis dan/atau menggilap kepingan perabot yang telah siap;
  - b. pemasangan kaca bahagian atas dan/atau pintu kaca ke perabot selain yang siap.
- (xi) Pengurangan saiz dan/atau perubahan bentuk tanpa mengubah sifat barang bercukai tersebut.
- (xii) Pemberian perkhidmatan jahitan secara peribadi tetapi tidak termasuk perkhidmatan jahitan yang disediakan oleh syarikat yang terlibat dalam perniagaan mengilang pakaian dan barang tekstil lain.
- (xiii) Mencetak, menjahit atau menampal logo, mengait, krusye atau menyulam pada pakaian siap.
- (xiv) Pewarnaan kain yang dibekalkan oleh orang lain tanpa mengubah saiz atau bentuk kain tersebut.
- (xv) Pengilangan kain batik menggunakan teknik tradisional pencetakan blok secara manual, pencetakan skrin secara manual dan/atau lukisan tangan atau lukisan dan barang daripadanya.
- (xvi) Operasi membersihkan dengan membuang kotoran atau habuk tanpa apa-apa operasi lain.

4.11. Penjelasan berkaitan operasi pengilangan yang dikecualikan daripada pendaftaran boleh dirujuk dalam Panduan Pengecualian Daripada Pendaftaran Di Bawah ACJ 2018 melalui portal MySST.

4.12. Contoh situasi operasi pengilangan yang dikecualikan daripada pendaftaran adalah seperti berikut:

**Situasi 12:**

Syarikat STU mengimport buah mangga secara pukal dari Thailand. Kemudian syarikat membuat pembungkusan semula ke atas buah mangga tersebut sebelum dijual kepada pelanggan. Syarikat layak dikecualikan daripada pendaftaran kerana

aktiviti pembungkusan semula barang pukal yang sama ke dalam bungkusan yang lebih kecil adalah dikecualikan daripada pendaftaran berdasarkan operasi (vii) di para 4.10 di atas.

**Situasi 13:**

Pasaraya XYZ mengimport ikan salmon dari Norway. Ikan salmon tersebut dipotong kepada saiz lebih kecil dan dijual terus kepada pelanggan. Syarikat layak dikecualikan daripada pendaftaran kerana aktiviti pengurangan saiz adalah dikecualikan daripada pendaftaran berdasarkan operasi (xi) di para 4.10 di atas.

**Situasi 14:**

WDL Sdn. Bhd. menyediakan dan membekalkan pastri yang dibuat di dapur berpusatnya. Kesemua pastri tersebut dihantar ke restoran cawangan miliknya yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang sama dengan dapur berpusat untuk digunakan dalam penyediaan makanan. Aktiviti penyediaan makanan adalah memenuhi definisi mengilang. Walau bagaimanapun WDL Sdn. Bhd. **layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan kerana penyediaan makanan atau minuman oleh dapur berpusat untuk pengedaran ke premisnya yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 berdasarkan operasi (iv) (b) di para 4.10 di atas.

**Situasi 15:**

AKS Sdn. Bhd. menyediakan dan membekalkan pastri yang dibuat di dapur berpusatnya. Kesemua pastri tersebut dihantar ke restoran dan pasaraya yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang tidak sama dengan AKS Sdn. Bhd untuk digunakan dalam penyediaan makanan. Aktiviti penyediaan makanan adalah memenuhi definisi mengilang. Syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan kerana tidak memenuhi syarat operasi dapur berpusat memandangkan pastri tersebut dijual kepada restoran dan pasaraya yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang tidak sama.

## **5. PENGIMPORAN/PEMBELIAN MENGGUNAKAN PENGECCUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH SEKSYEN 35 ATAU MELALUI SKIM KHAS DI BAWAH SEKSYEN 61A(1)(b) ACJ 2018**

- 5.1. Seksyen 35 Akta Cukai Jualan 2018 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan cukai jualan kepada mana-mana orang yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Pembayaran Cukai) 2018 (PCJ(P) 2018) atau melalui pengecualian khas.
- 5.2. Skim Pengeksport Utama Diluluskan di bawah seksyen 61A(1)(b) ACJ 2018 mengecualikan pengilang daripada pembayaran cukai jualan yang dikenakan ke atas bahan mentah, bahan pembungkus dan pembungkusan atau komponen bagi pengilangan barang siap yang dikecualikan cukai jualan. Barang siap tersebut hendaklah dieksport, atau diangkut ke kawasan yang ditetapkan atau kawasan khas.
- 5.3. Mana-mana pengilang yang diluluskan pengecualian cukai jualan ke atas input pengilangan semasa mengilang barang siap yang dikecualikan cukai jualan dan pada 1 Julai 2025, barang siap tersebut menjadi barang bercukai jualan, pengilang tersebut hendaklah membayar cukai jualan yang telah dikecualikan ke atas baki stok input pengilangan tersebut. Pembayaran cukai jualan hendaklah dibuat melalui Borang SST-ADM atau AMES-02.
- 5.4. Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan bersetuju untuk memberi pengecualian cukai jualan ke atas input pengilangan yang telah diberi pengecualian, tidak perlu dibayar sekiranya pengilang telah berdaftar dan tarikh kuat kuasa pendaftarannya adalah selewat-lewatnya pada **30 September 2025**.
- 5.5. Contoh situasi pengecualian cukai jualan adalah seperti berikut:

### **Situasi 16:**

Syarikat mengilang barang siap yang dikecualikan cukai jualan untuk tujuan eksport. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat menggunakan butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 untuk membeli atau mengimport bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan

peralatan *cleanroom* tanpa cukai jualan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat **memohon sebagai pengilang berdaftar** dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan pengecualian cukai jualan di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 **tidak perlu dibayar** kerana telah mendapat pengecualian seperti di para 5.4.

Walau bagaimanapun, syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan sijil pengecualian cukai jualan ke stesen yang mengawal kerana barang tersebut telah menjadi barang bercukai dan tidak memenuhi syarat pengecualian di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018.

Syarikat yang telah berdaftar boleh memohon sijil pengecualian cukai jualan di bawah butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 bagi tujuan pembelian atau pengimportan bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom*.

#### **Situasi 17:**

Syarikat mengilang barang siap yang dikecualikan cukai jualan untuk tujuan eksport. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat menggunakan butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 untuk membeli atau mengimport bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* tanpa cukai jualan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat tidak mencapai nilai ambang dan memilih untuk **tidak berdaftar** di bawah ACJ 2018. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan pengecualian cukai jualan di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 **hendaklah dibayar**. Syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan sijil pengecualian cukai jualan ke stesen yang mengawal kerana barang tersebut telah menjadi barang bercukai dan tidak memenuhi syarat pengecualian di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018.

**Situasi 18:**

Syarikat mengilang barang siap yang dikecualikan cukai jualan. Bagi menghasilkan barang siap, syarikat menggunakan pengecualian khas oleh menteri untuk membeli atau mengimport bahan mentah tanpa cukai jualan untuk digunakan dalam pengilangannya.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat **memohon sebagai pengilang berdaftar** dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok input pengilangan yang dibeli atau diimport menggunakan pengecualian khas **tidak perlu dibayar**.

**Situasi 19:**

Syarikat mengilang barang siap A dan B yang dikecualikan cukai jualan untuk tujuan eksport. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat menggunakan butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 untuk membeli atau mengimport bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* tanpa cukai jualan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap A yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5% dan barang siap B masih kekal sebagai barang siap yang dikecualikan cukai jualan. Syarikat memilih untuk berdaftar di bawah ACJ 2018 sebagai pengilang berdaftar dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan pengecualian cukai jualan di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 bagi mengilang barang siap A **tidak perlu dibayar**.

Pengilang masih layak menggunakan butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 untuk mengilang barang siap B. Bagi pengilangan barang siap A, pengilang boleh memohon pengecualian cukai jualan di bawah butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 selepas pendaftaran syarikat sebagai pengilang berdaftar berkuat kuasa.

**Situasi 20:**

Syarikat mengilang barang siap yang dikecualikan cukai jualan untuk tujuan eksport. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat menggunakan butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 untuk membeli atau mengimport bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* tanpa cukai jualan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat **memohon sebagai pengilang berdaftar** dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan pengecualian cukai jualan di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018 **perlu dibayar** kerana telah melebihi tempoh pengecualian yang ditetapkan iaitu selewat lewatnya pada 30 September 2025 seperti di para 5.4.

Syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan sijil pengecualian cukai jualan ke stesen yang mengawal kerana barang tersebut telah menjadi barang bercukai dan tidak memenuhi syarat pengecualian di bawah butiran 4, Jadual B, PCJ(P) 2018.

Syarikat yang telah berdaftar boleh memohon sijil pengecualian cukai jualan di bawah butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 bagi tujuan pembelian atau pengimportan bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom*.

**Situasi 21 :**

Syarikat WFU Sdn Bhd mengilang barang dikecualikan cukai jualan dan merupakan pengilang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan, Seksyen 61A ACJ 2018 bagi tempoh Januari 2025 sehingga Disember 2026. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat mengimport bahan mentah dan bahan bungkus dan pembungkusan dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Pengeksport Utama Diluluskan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat sukarela untuk berdaftar di bawah seksyen 14 ACJ

2018 sebagai pengilang berdaftar dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan kelulusan di bawah skim ini tidak perlu dibayar kerana telah mendapat pengecualian seperti di para 5.4.

Selepas pendaftaran syarikat berkuat kuasa, syarikat boleh memohon sijil pengecualian butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 bagi tujuan pembelian atau pengimportan bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom*.

Syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan surat kelulusan AMES ke stesen mengawal kerana tidak memenuhi syarat di bawah Seksyen 61A (1)(b) ACJ 2018.

**Situasi 22:**

Syarikat RST Sdn Bhd mengilang barang dikecualikan cukai jualan dan merupakan pengilang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan, Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 bagi tempoh Januari 2025 sehingga Disember 2026. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat mengimport bahan mentah dan bahan bungkusan dan pembungkusan dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Pengeksport Utama Diluluskan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat tidak mencapai nilai ambang dan memilih untuk tidak berdaftar di bawah ACJ 2018 sebagai pengilang berdaftar. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan kelulusan di bawah skim hendaklah dibayar semula menggunakan AMES-02.

Syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan surat kelulusan AMES ke stesen mengawal kerana tidak mematuhi Seksyen 61A (1)(b) ACJ 2018.

**Situasi 23:**

Syarikat UVW Sdn Bhd mengilang barang dikecualikan cukai jualan dan merupakan pengilang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan, Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 bagi tempoh Januari 2025

sehingga Disember 2026.

Syarikat mengilang barang siap A dan B yang dikecualikan cukai jualan. Bagi menghasilkan barang siap tersebut, syarikat mengimport bahan mentah dan bahan bungkusan dan pembungkusan dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Pengeksport Utama Diluluskan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap A yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5% manakala barang siap B kekal dikecualikan cukai jualan. Syarikat sukarela untuk berdaftar di bawah seksyen 14 ACJ 2018 sebagai pengilang berdaftar dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan skim bagi mengilang barang siap A tidak perlu dibayar kerana telah mendapat pengecualian seperti di para 5.4.

Selepas pendaftaran syarikat berkuat kuasa, syarikat boleh memohon sijil pengecualian butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 bagi tujuan pembelian atau pengimportan bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* bagi tujuan pengilangan barang siap A.

Jumlah nilai jualan tahunan barang B yang dikilangkan masih melebihi sepuluh (10) juta ringgit. Oleh itu, syarikat masih layak menggunakan kelulusan di bawah skim ini ke atas pembelian bahan mentah, bahan bungkusan dan pembungkusan atau komponen bagi pengilangan barang siap B.

**Situasi 24:**

Syarikat ZAB Sdn Bhd mengilang barang dikecualikan cukai jualan dan merupakan pengilang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan, Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 bagi tempoh Januari 2025 sehingga Disember 2026.

Syarikat mengilang barang siap A dan B yang dikecualikan cukai jualan. Bagi menghasilkan barang siap A tersebut, syarikat mengimport bahan mentah dan bahan bungkusan dan pembungkusan dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Pengeksport Utama Diluluskan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap A yang dikilangkan tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5% manakala barang siap B kekal dikecualikan cukai jualan. Syarikat tidak mencapai nilai ambang dan memilih untuk tidak berdaftar di bawah ACJ 2018 sebagai pengilang berdaftar.

Oleh itu, baki stok yang dibeli menggunakan kelulusan di bawah skim tidak boleh digunakan bagi pengilangan barang siap A. Syarikat hendaklah membayar cukai jualan ke atas stok input yang telah dibeli menggunakan pengecualian untuk mengilang barang siap A menggunakan AMES-02.

Jumlah nilai jualan tahunan barang B yang dikilangkan masih melebihi sepuluh (10) juta ringgit. Oleh itu, syarikat masih layak menggunakan kelulusan di bawah skim ini ke atas pembelian bahan mentah, bahan bungkusan dan pembungkusan atau komponen bagi pengilangan barang siap B.

**Situasi 25:**

Syarikat AMW Sdn Bhd mengilang barang dikecualikan cukai jualan dan merupakan pengilang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan, Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 bagi tempoh Januari 2025 sehingga Disember 2026.

Syarikat mengilang barang siap E dan F yang dikecualikan cukai jualan. Bagi menghasilkan barang siap E dan F tersebut, syarikat mengimport bahan mentah dan bahan bungkusan dan pembungkusan dengan menggunakan kemudahan di bawah skim Pengeksport Utama Diluluskan.

Mulai 1 Julai 2025, barang siap E tidak tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu manakala barang siap F tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu iaitu 5%. Syarikat sukarela untuk berdaftar di bawah seksyen 14 ACJ 2018 sebagai pengilang berdaftar dan pendaftaran berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025. Oleh itu, cukai jualan ke atas baki stok yang dibeli menggunakan pengecualian cukai jualan di bawah AMES Pengilang tidak perlu dibayar semula kerana telah mendapat pengecualian seperti di para 5.4.

Selepas pendaftaran syarikat berkuat kuasa, syarikat boleh memohon sijil pengecualian butiran 1, Jadual C, PCJ(P) 2018 bagi tujuan pembelian atau pengimportan bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* bagi tujuan pengilangan barang siap F.

Jumlah nilai jualan tahunan barang E yang dikilangkan telah kurang daripada sepuluh (10) juta ringgit. Oleh demikian, syarikat perlu mengemukakan permohonan pembatalan surat kelulusan AMES ke stesen mengawal kerana tidak memenuhi syarat di bawah Seksyen 61A (1)(b) ACJ 2018.

---

## SOALAN – SOALAN LAZIM

1. S : Bilakah tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai jualan yang baharu?  
J : **Perubahan kadar cukai jualan yang baharu berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.**
  
2. S : Dimanakah saya boleh merujuk senarai barang yang terlibat dengan perubahan kadar cukai jualan yang baharu?  
J : **Senarai barang yang terlibat dengan perubahan kadar cukai jualan adalah seperti berikut:**
  - i. **Kadar 5% dan kadar spesifik boleh dirujuk di bawah Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025**
  
  - ii. **Barang yang dikecualikan boleh dirujuk di bawah Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2025**

**Jika barang tersebut tiada dalam kedua-dua perintah di atas, maka barang tersebut adalah berkadar 10%. Kedua-dua perintah ini boleh dirujuk di pautan <https://mysst.customs.gov.my/>.**
  
3. S : Bagaimanakah saya boleh mengetahui aktiviti pengilangan saya adalah memenuhi maksud mengilang di bawah Akta Cukai Jualan 2018?  
J : **Berdasarkan seksyen 3, Akta Cukai Jualan 2018 maksud mengilang adalah penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan-bahan itu dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan. Sebarang pertanyaan lanjut, syarikat boleh merujuk ke Bahagian Cukai Dalam Negeri di negeri.**
  
4. S : Adakah saya perlu berdaftar sebagai pengilang berdaftar sekiranya barang siap yang dikilangkan tertakluk kepada perubahan kadar cukai jualan baharu dari barang yang dikecualikan cukai jualan kepada barang bercukai berkadar 5% atau 10%?  
J : **Ya, syarikat tuan perlu berdaftar di bawah seksyen 13, Akta Cukai Jualan 2018 sekiranya jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi nilai ambang sebanyak RM 500,000 dalam tempoh 12 bulan.**

5. S : Bagaimanakah saya boleh berdaftar sebagai pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018?
- J : **Pendaftaran boleh dibuat atas talian melalui sistem MySST. Orang yang telah didaftarkan akan menerima pemakluman pendaftaran melalui emel yang telah didaftarkan.**
6. S : Bolehkah saya berdaftar secara sukarela di bawah Akta Cukai Jualan 2018?
- J : **Pendaftaran secara sukarela dibenarkan di bawah seksyen 14, Akta Cukai Jualan 2018 sekiranya tuan mengilang barang-barang bercukai dan tidak mencapai nilai ambang RM500,000.00.**
7. S : Bagaimanakah saya boleh mendapatkan pengesahan sama ada kod tarif barang yang diimport atau dikilangkan tertakluk kepada perubahan kadar cukai jualan atau tidak?
- J : **Tuan boleh mendapatkan pengesahan kod tarif daripada Bahagian Perkhidmatan Teknik di negeri yang berdekatan.**
- Selepas mendapat pengesahan kod tarif, tuan boleh merujuk kadar cukai jualan melalui Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025 dan Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2025. Kadar cukai jualan yang baharu boleh dirujuk di bawah Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2025 dalam portal MySST <https://mysst.customs.gov.my/>. Sekiranya kod tarif barang tersebut tiada dalam perintah di atas, kadar cukai jualan bagi barang tersebut adalah 10%. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan boleh merujuk ke Bahagian Cukai Dalam Negeri di negeri.**
8. S : Saya membeli barang dari luar negara. Barang tersebut belum dihantar oleh pembekal tetapi invois telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar cukai jualan yang baharu. Barang tersebut hanya akan diimport selepas tarikh kuat kuasa kadar cukai jualan yang baharu. Adakah barang tersebut tertakluk kepada kadar cukai jualan yang baharu?
- J : **Ya, barang yang diimport tersebut tertakluk kepada kadar cukai jualan baharu semasa barang tersebut dilepaskan daripada kawalan Kastam oleh pegawai Kastam yang hak. Pengimportan barang ke dalam Malaysia hendaklah diikrar dalam Borang Kastam No.1(K1). Bagi barangan bercukai, cukai jualan yang terlibat dibayar menggunakan borang K1.**

9. S : Saya adalah pengilang berdaftar baharu di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Adakah saya layak mendapat sebarang pengecualian cukai jualan? Bagaimanakah cara untuk saya memohon pengecualian cukai jualan?

J : **Sebagai pengilang berdaftar, tuan layak membeli bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan, alat bantuan pengilangan dan peralatan *cleanroom* tanpa cukai jualan. Tuan boleh memohon pengecualian cukai jualan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah butiran serta dalam perintah tersebut. Permohonan sijil pengecualian cukai jualan boleh dibuat secara atas talian dalam portal <https://mysst.customs.gov.my/>.**

**Manual permohonan sijil pengecualian cukai jualan boleh dirujuk melalui <https://mysst.customs.gov.my/AboutExemption>.**

10. S : Saya adalah pengilang barang dikecualikan cukai jualan dan tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Pada tarikh kuat kuasa, kadar cukai jualan ke atas barang siap tersebut berubah daripada dikecualikan kepada 5%. Adakah saya perlu mengenakan cukai jualan ke atas barang siap yang dikilangkan semasa barang tersebut dijual pada atau selepas tarikh kuat kuasa cukai jualan baharu?

J : **Syarikat tuan perlu berdaftar sebagai pengilang berdaftar di bawah Seksyen 13 atau 14, Akta Cukai Jualan 2018 untuk mengenakan cukai jualan ke atas barang yang dikilangkan pada kadar baharu bermula dari tarikh kuat kuasa surat kelulusan pendaftaran**

## **PERTANYAAN**

Sebarang persoalan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 6, Tower A, Suasana PjH,

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,

62100 Putrajaya.

## **BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST**

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
  - Hotline : 1-300-888-500
  - Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500
  - Email : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)